

AeU platform cemerlang ijazah PhD



Dr Azuddin
Bahari

» Layanan profesional panel bantu Dr Azuddin gapai impian

Bagi individu berkerjaya dalam tempoh lama apatah lagi mempunyai kerjaya terjamin, mungkin kurang berminat menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi disebabkan kekangan masa atau faktor usia.

Namun ia bukan masalah bagi bekas pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berkhidmat selama 31 tahun, Profesor Madya Leftenan Kolonel (Bersara) Dr Azuddin Bahari.

Selaku individu yang terbiasa dengan disiplin ketenteraan tinggi, beliau tidak rela mensia-siakan waktu persaraan tanpa sebarang aktiviti mengekalkan kecerdasan mental dan fizikalnya. Berbekalkan Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA), Dr Azuddin memilih untuk berkhidmat sebagai ahli akademik di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Ahli akademik tulen

Namun, beliau tidak berpuas hati dengan ijazah MBA yang ada kerana belum cukup menjadikannya ahli akademik tulen. Memiliki Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah matlamat beliau seterusnya.

Bertitik tolak iltizam itu, beliau melanjutkan pengajian di AeU yang menyediakan kaedah pembelajaran separuh masa yang praktikal dan kondusif sesuai dengan keinginannya. Secara rasmi beliau memulakan pengajian peringkat PhD bersama AeU pada 20 September 2010.

"Kali pertama saya menghadiri kolokium di AeU saya di-

pertemuan dengan Dekan Sekolah Pengurusan Siswazah (SGS), Prof Dr Siow Heng Loke. Perwatakan beliau yang mesra dan mudah didampingi, saya dapat rasakan kembara pengajian bakal lebih lancar dan sangkaan saya tidak meleset," ujar Dr Azuddin.

Sepanjang pengajian, beliau kerap berhubung dengan Heng Loke, sekali gus membantunya mendapatkan khidmat penyelia Prof Datuk Dr Shattri Mansor dan Dr Hanum Hassan selaku penasihat.

Beliau menjalankan kajian pengurusan bencana berkongsi pengalaman menghadiri proses penilaian atau *Viva Voce* pada 19 Januari 2015 yang disifatkan lebih mencabar berbanding latihan dan ujian ketenteraan yang pernah diluinya sebelum ini.

Panel profesional

"Kerana prestij PhD, saya sangat gugup berhadapan panel penilai, ibarat berdiri di hadapan skuad penembak dan menunggu masa menarik picu masing-masing. Bagaimanapun sesi berjalan lancar dan mereka sangat profesional mengendalikan *Viva Voce* yang berlangsung hampir 3 jam," katanya.

Dr Azuddin menitikkan air mata kegembiraan sebaik dimaklumkan hasil kajiannya diterima dan layak dianugerahkan PhD.

Sokongan pelbagai pihak terutama keluarga, rakan, penyelia dan AeU membantunya merealisasikan impian menjadi ahli akademik tulen.

"Saya menyokong usaha mempromosikan pendidikan sepanjang hayat dan menjadikannya budaya di Malaysia. Saya juga turut mencadangkan mereka yang berminat menyambung pengajian lebih tinggi mempertimbangkan AeU sebagai universiti pilihan anda," katanya.